

Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.



**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG**  
**STATE SECRETARY OF PAHANG**

• Telefon : 09-5162253  
09-5126601  
• Fax : 09-5156106

**SURAT PEKELILING**

**YB. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**BIL. 01 TAHUN 2008**

**EDARAN KEPADA :**

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Ketua Unit

Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

**PERLAKSANAAN PENGGUNAAN PERISIAN OPENOFFICE.ORG  
DI SEMUA AGENSI DAN PENTADBIRAN NEGERI**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan penggunaan perisian OpenOffice.org bagi melaksanakan urusan automasi pejabat di Pentadbiran Negeri Pahang.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Perisian OpenOffice.org merupakan salah satu pilihan kepada pelbagai perisian pengurusan pejabat (Office Suite). Ia adalah gabungan yang berkaitan bagi tujuan pemprosesan perkataan (word processing), laman lebaran (spreadsheet), paparan (slide) dan pangkalan data (data base).
- 2.2 Perisian OpenOffice.org boleh digunakan dalam pelbagai sistem operasi seperti 'Windows', 'Linux', 'Solaris', 'Mac OS' dan 'FreeBSD'.
- 2.3 Perisian OpenOffice.org ini diedarkan secara percuma dan merupakan satu perisian yang bertenaga setanding dengan perisian pengurusan pejabat yang lain.
- 2.4 Objektif utama pelaksanaan penggunaan perisian OpenOffice.org ialah :-
  - 2.4.1 Perisian yang mudah untuk digunakan dan memastikan kakitangan sektor awam tidak ketinggalan dalam bidang ICT;
  - 2.4.2 Menggalakkan kakitangan sektor awam menggunakan kemudahan perisian terkini yang mampu membantu dalam melaksanakan tugas harian;
  - 2.4.3 Membantu pihak Kerajaan Negeri dalam penjimatan kos penyelenggaraan ICT; dan

2.4.4 Menggalakkan penggunaan perisian berasaskan perisian sumber tersebut.

2.5 Kelebihan menggunakan perisian OpenOffice.org ialah :-

2.5.1 Perisian ini mudah diperolehi dan diedarkan secara percuma;

2.5.2 Ia adalah pelbagai perisian dalam satu. Semua keperluan pejabat sama ada untuk menaip surat, menyediakan graf, menyediakan bahan-bahan untuk paparan, simpanan data dan pelbagai tujuan dokumen pejabat boleh disediakan oleh OpenOffice.org;

2.5.3 OpenOffice.org boleh membaca fail dalam bentuk DOC, XLS, PPT dan fail-fail yang dihasilkan oleh Microsoft Office sama ada versi lama atau yang terbaru. Ia juga boleh menyimpan dalam format Microsoft Office;

2.5.4 Fail dokumen OpenOffice.org adalah kecil kerana ia menggunakan format XML berbanding dengan perisian lain yang menggunakan format binari; dan

2.5.5 Penjimatan kos dapat dilakukan bagi tujuan penyelenggaraan ICT kerana perisian ini tidak memerlukan lesen untuk digunakan.


### 3. PERLAKSANAAN

- 3.1 Penggunaan perisian OpenOffice.org ini digalakkan kepada semua kakitangan sektor awam yang menggunakan peralatan ICT yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri di semua Jabatan di Negeri Pahang.
- 3.2 Ketua Jabatan diminta untuk memastikan pelaksanaan penggunaan perisian OpenOffice.org ini berjalan lancar dan semua komputer di jabatan perlu dicegah dari menggunakan sebarang perisian yang tidak mempunyai lesen yang sah. Pihak Kerajaan negeri tidak akan bertanggungjawab seandainya pihak audit mendapati perisian yang digunakan tidak mempunyai lesen yang dibenarkan.

### 4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATO' MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL, DSAP., DIMP., AAP., AMP)  
SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**